

Isu Penyalahgunaan Visa Pelajar Antarabangsa di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur dan Potensi Kajian Akan Datang

The Issue of International Student Visa Abuse in Malaysia: A Literature Review and Prospects for Future Research

MOHD MAZDAN MOHD JAMIL*, SITY DAUD & AIZAT KHAIRI

Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa,

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Corresponding author: p117247@siswa.ukm.edu.my

Received: 30 January 2026 Accepted: 16 April 2026

Abstrak

Sistem pendidikan tinggi di Malaysia masa kini telah menunjukkan kemajuan serta berkembang pesat di peringkat global. Dalam beberapa dekad, sektor ini telah mengalami pelbagai transformasi termasuk penggubalan dasar pendidikan tinggi, peluasan institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta peningkatan dalam mobiliti pelajar antarabangsa. Dasar pendidikan tinggi yang dinamik dan moden telah menarik minat serta membuka peluang kepada pelajar antarabangsa untuk hadir menimba ilmu di negara ini. Namun, fenomena penyalahgunaan visa pelajar antarabangsa di Malaysia semakin menular dan membimbangkan dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Justeru, artikel ini akan membincangkan berkenaan isu penyalahgunaan visa pelajar antarabangsa di Malaysia dan implikasi terhadap keselamatan insan melalui tinjauan literatur. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui penelitian terhadap data sekunder yang merujuk kepada penelitian terhadap penerbitan buku ilmiah, tesis akademik, artikel jurnal serta kenyataan dan dokumen rasmi kerajaan yang berkaitan dengan isu ini. Kaedah analisis kandungan turut digunakan untuk mengenalpasti dan memahami dengan lebih teliti isu penyalahgunaan visa pelajar antarabangsa di negara ini. Konsep keselamatan insan turut digunapakai untuk menjelaskan kaitannya dengan isu yang dikaji. Hasil kajian ini mendapati kewujudan salahguna visa pelajar antarabangsa sebagai alat pemerdagangan manusia dan jenayah terancang di negara ini dan terdapat kelemahan dalam aspek penguatkuasaan dan pemantauan selepas kemasukan pelajar antarabangsa ke negara ini. Kajian ini mencadangkan penyelidikan lanjutan berbentuk kajian empirikal bagi mengkaji faktor kehadiran serta implikasi isu ini terhadap dimensi keselamatan insan di Malaysia.

Kata kunci: Penyalahgunaan Visa Pelajar; Migrasi; Jenayah; Pemerdagangan Manusia; Keselamatan Insan

Abstract

Malaysia's higher education system has shown significant progress and rapid growth at the global level. Over the past few decades, this sector has undergone various transformations, including the formulation of higher education policies, the expansion of public and private institutions, and increased international student mobility. These dynamic and modern higher education policies have attracted international students and created opportunities for them to pursue their studies in the

country. However, the phenomenon of international student visa misuse in Malaysia has become increasingly widespread and concerning in recent years. Therefore, this article discusses the issue of international student visa misuse in Malaysia and its implications for human security through a literature review. This research adopts a qualitative approach and applies content analysis of secondary sources, including scholarly books, academic theses, journal articles, and government documents related to the issue. The concept of human security is applied to frame the analysis. The findings indicated that international student visas have been used as tools for human trafficking and organized crime in Malaysia. Furthermore, there are evident weaknesses in enforcement and post-entry monitoring of international students. The study recommends further empirical research to examine the underlying factors of their presence and its implications of this issue on human security landscape in Malaysia.

Keywords: *Student Visa Abuse, Migration, Crime, Human Trafficking, Human Security*

Pengenalan

Menurut takrifan United Nations Department of Economic and Social Affairs (UN-DESA), visa merupakan dokumen rasmi yang dikeluarkan oleh kerajaan sesebuah negara yang memberikan keizinan kepada seseorang individu warganegara asing untuk memasuki, tinggal, atau melawat negara tersebut dalam tempoh tertentu.¹ Di Malaysia, visa dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) untuk membolehkan warganegara asing memasuki negara ini atas tujuan tertentu yang dibenarkan. Visa di Malaysia boleh dibahagikan kepada beberapa jenis berdasarkan tujuan lawatan dan tempoh masa tinggal. Setiap jenis visa ini mempunyai syarat-syarat tertentu yang wajib dipatuhi oleh pemohon dan tempoh masa tertentu bergantung kepada jenis visa tersebut. Tempoh visa adalah terhad bermakna warganegara asing tidak dibenarkan tinggal di negara tersebut selepas tamat tempoh visa tersebut. Terdapat tiga jenis kategori visa di Malaysia iaitu Visa Kemasukan Tunggal, Visa Kemasukan Berulang dan Visa Transit. Selain visa, terdapat pelbagai jenis pas yang dikeluarkan oleh JIM bagi membenarkan warganegara asing masuk ke negara ini dengan tujuan tertentu antaranya Pas Penggajian, Pas Lawatan Sosial, Pas Pelajar, Pas Residen, Pas Lawatan Ikhtisas dan sebagainya.² Jadual 1 menunjukkan ringkasan jenis-jenis visa dan pas kemasukan yang dikeluarkan oleh JIM.

Jadual 1. Jenis Visa dan Pas dikeluarkan oleh JIM


Jenis Visa/Pas	Ciri Utama
Visa Kemasukan Tunggal	Visa kepada warganegara asing yang memerlukan visa untuk masuk ke Malaysia, terutamanya bagi tujuan lawatan sosial.
Visa Kemasukan Berulang	Visa kepada warganegara asing yang memerlukan visa untuk masuk ke Malaysia, khususnya bagi urusan perniagaan atau urusan rasmi Kerajaan
Visa Transit	Visa kepada warganegara asing yang memerlukan visa untuk memasuki Malaysia ketika transit sebelum ke negara lain.
Pas Lawatan Sosial	Kebenaran masuk untuk tujuan tidak bekerja seperti melancong, melawat keluarga, rawatan perubatan.
Pas Lawatan Kerja	Kebenaran masuk bagi tujuan bekerja sebagai pembantu rumah dan sektor pembuatan, perladangan, pertanian, pembinaan dan perkhidmatan.

Pas Pelajar	Pas untuk warganegara asing mengikuti pengajian di institusi pendidikan Malaysia.
Pas Penggajian	Pas bagi ekspatriat/pegawai dagang dengan kelayakan tinggi untuk bekerja dalam jawatan professional di Malaysia.
Pas Residen	Pas kepada warganegara asing yang termasuk di bawah mana-mana kategori ikatan kekeluargaan.

Sumber: Adaptasi dari Jabatan Imigresen Malaysia.

Manakala Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) mendefinisikan visa pelajar sebagai visa yang diberikan kepada warganegara asing untuk membolehkan mereka memasuki dan tinggal dalam sesebuah negara bagi tujuan mengikuti pengajian di institusi pendidikan yang diiktiraf. Visa ini biasanya tertakluk kepada tempoh pengajian dan syarat-syarat tertentu seperti keperluan kehadiran, pendaftaran kursus, dan pembaharuan visa setiap tahun.³ Manakala di Malaysia, visa pelajar merujuk kepada Pas Pelajar (Student Pass) yang dikeluarkan oleh JIM dengan kerjasama Education Malaysia Global Services (EMGS), yang membenarkan pelajar antarabangsa menuntut di institusi pengajian tinggi yang diiktiraf.⁴ Dalam erti kata lainnya, visa pelajar antarabangsa di Malaysia adalah merupakan dokumen sah yang membenarkan pelajar warganegara asing untuk tinggal dan mengikuti kursus pendidikan di negara ini. Visa atau Pas Pelajar ini dikeluarkan oleh JIM selepas pelajar antarabangsa tersebut menerima tawaran kemasukan dari institusi pendidikan yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia secara umumnya.⁵ Visa pelajar antarabangsa di Malaysia adalah penting kerana ia memberikan hak kepada pelajar untuk tinggal di negara ini sepanjang tempoh pengajian mereka dan turut memberi peluang kepada pelajar tersebut untuk bekerja secara sambilan, namun masih tertakluk dengan beberapa syarat tertentu. Secara umumnya, visa pelajar antarabangsa di Malaysia bukan hanya membuka peluang untuk memperolehi pendidikan yang berkualiti, tetapi juga memberi pelajar peluang untuk memperluas pengalaman mereka di peringkat global.

Berdasarkan statistik yang diterbitkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT), menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam jumlah kemasukan pelajar antarabangsa ke Malaysia bermula dari tahun 2014. Rajah 1 menunjukkan bilangan pelajar antarabangsa dari pelbagai negara yang berada di Malaysia daripada tahun 2014 hingga 2024. Rajah ini mempamerkan tren peningkatan ketara daripada 74,996 orang pada tahun 2014 kepada 133,860 orang pada tahun 2017. Terdapat pelbagai faktor pemilihan Malaysia sebagai destinasi pengajian pelajar antarabangsa antaranya ialah pengiktirafan program IPT Malaysia di peringkat global selain kos sara hidup dan yuran yang lebih berpatutan berbanding negara asal mereka.⁶ Pada masa yang sama, di dalam Rajah 1 tersebut turut mempamerkan peningkatan bilangan pelajar antarabangsa di Malaysia yang turut dipacu inisiatif Kerajaan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-2025 merupakan pelan strategik jangka panjang Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) khusus untuk memperkukuhkan sistem pendidikan tinggi negara. Pelan ini digubal bagi memastikan pendidikan tinggi Malaysia mampu bersaing di peringkat global dan memenuhi keperluan pembangunan negara menjelang 2025 Selain itu PPPM ini turut bertujuan memperkenalkan serta mempromosikan Malaysia sebagai hab pendidikan bertaraf global yang menyediakan pendidikan tinggi berkualiti sekaligus kos pendidikan yang berpadu, kehidupan yang baik serta pengalaman kepelbagaian budaya yang ada di Malaysia.⁷ Pelan ini turut menggariskan 10 anjakan strategik sebagai teras transformasi yang merangkumi graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang, kebolehpasaran graduan, kebolehpayaan dan kualiti TVET, pembelajaran sepanjang hayat, ekosistem inovasi, tadbir urus yang lebih autonomi, telus dan berakuntabiliti, pembiayaan pendidikan tinggi yang lestari, pengantarabangsaan pendidikan tinggi, transformasi penyampaian perkhidmatan dan kecemerlangan akademik institusi pendidikan tinggi.⁸



Rajah 1: Bilangan Pelajar Antarabangsa di Malaysia dari tahun 2014 hingga 2024.

Sumber : Statistik Pendidikan Tinggi Kementerian Pendidikan Tinggi.⁹

Namun begitu, berlaku fenomena penyalahgunaan visa pelajar antarabangsa di negara ini yang menjurus kepada pelbagai kegiatan jenayah termasuklah jenayah rentas sempadan dan pemerdagangan manusia. Perkara ini berlaku apabila ada seseorang warganegara asing yang memasuki negara ini atas kapasiti visa pelajar tetapi melakukan aktiviti tidak bermoral seperti terlibat dengan aktiviti penyeludupan dadah, pelacuran dan menjalankan perniagaan atau bekerja secara haram di negara ini. Secara umumnya, isu penyalahgunaan visa pelajar ini boleh berlaku di mana-mana negara sahaja dan isu ini mendatangkan kebimbangan kepada negara penerima. Meskipun begitu, didapati penyelidikan berkaitan isu penyalahgunaan visa pelajar antarabangsa di Malaysia masih terhad dan kurang dilaksanakan. Lebih-lebih lagi dalam mengaitkan isu penyalahgunaan visa pelajar ini dengan implikasinya terhadap keselamatan insan negara ini. Ini mewujudkan jurang dalam penyelidikan akademik yang ketara khususnya dalam konteks faktor sebenar kehadiran pelajar antarabangsa serta aktiviti dan kegiatan sebenar mereka di negara ini. Ini termasuklah wujudnya jurang penyelidikan dalam isu salahguna visa pelajar antarabangsa dan kaitannya dengan fenomena keselamatan insan kontemporari. Oleh itu, makalah tinjauan literatur ini bukan sahaja mengisi jurang tersebut, malah akan menjadi dorongan dalam kepelbagaian cabang kajian akademik lain khususnya dalam lapangan bidang keselamatan insan di negara ini.

Metodologi Kajian

Reka bentuk Kajian

Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan melakukan penelitian, pembacaan serta menganalisis literatur kandungan sumber data sekunder mengenai isu penyalahgunaan visa dan pas lawatan di Malaysia dan luar negara. Sumber sekunder ini merujuk kepada penelitian

terhadap penerbitan buku ilmiah, tesis akademik, artikel jurnal serta kenyataan dan dokumen rasmi Kerajaan berkaitan isu ini. Sorotan literatur ini penting dalam setiap penyelidikan memandangkan ia berfungsi sebagai asas memahami keperluan kajian dan sebagai penanda aras membandingkan dapatan kajian dengan kajian sedia ada.¹⁰ Menurut Machi & McEvoy, sorotan literatur ini penting kerana merupakan landasan ilmiah atau nadi kepada sesebuah penyelidikan.¹¹ Manakala Ridley turut bersetuju mengenai kepentingan sorotan literatur yang menjadi komponen utama dan asas dalam sesebuah penyelidikan akademik terutamanya dalam mengenal pasti jurang kajian dan menunjukkan pemahaman yang mendalam terhadap perdebatan ilmiah dalam bidang berkaitan.¹²

Pengumpulan dan Analisis Data

Maklumat serta data yang digunakan dalam kajian ini dikumpul secara sistematik daripada pelbagai sumber data sekunder. Pencarian maklumat menggunakan kata kunci yang berfokus seperti penyalahgunaan visa, isu visa pelajar antarabangsa, salahguna visa pelajar di Malaysia dan sebagainya turut dilaksanakan. Pengumpulan data sekunder bercetak dijalankan melalui kaedah kajian kepustakaan yang diperolehi dari Perpustakaan Tun Sri Lanang UKM dan pusat sumber Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan UKM. Manakala rujukan sumber sekunder tidak bercetak merujuk kepada buku elektronik, laporan akhbar serta jurnal artikel yang dimuat turun daripada laman web seperti SCOPUS, WoS, MyCite dan sebagainya, antara jurnal yang dirujuk adalah *e-Bangi: Journal of Social Science and Humanities*, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, *KEMANUSIAAN: The Asian Journal of Humanities* dan lain-lain. Penulisan tesis akademik yang diperolehi daripada universiti-universiti tempatan dan luar negara juga turut dirujuk dalam melengkapkan kajian ini. Ringkasan kriteria artikel yang dipilih dan digunakan dalam proses penapisan artikel dan sumber data adalah seperti di Jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Kriteria Penapisan Artikel dan Sumber Data	
Kategori	Kriteria Penerimaan
Tahun Penerbitan	Tahun 1994 - 2024
Bahasa	Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Indonesia
Pengkalan Data	SCOPUS, WoS, MyCite
Jenis Dokumen	Artikel empirikal, kajian kes

Sumber: Olahan penulis.


Manakala Jadual 3 menunjukkan hasil daripada proses pengumpulan data ini, sebanyak 95 artikel dianalisis yang mana merangkumi 69 artikel dan jurnal yang diterbitkan sekitar tahun 1994 sehingga 2024. Manakala selebihnya adalah merangkumi sumber data maklumat serta dokumen rasmi yang diterbitkan oleh Kerajaan serta badan-badan antarabangsa antaranya Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB), International Labour Organization (ILO) dan sebagainya yang merangkumi laporan tahunan, pelan tindakan, laporan penyelidikan khusus dan penerbitan laporan statistik.

Jadual 3: Sumber Data

Kategori	Keterangan	Jumlah
Artikel jurnal	Jurnal berwasit SCOPUS, WoS, MyCite	69
Sumber data tambahan	Laporan tahunan, laporan statistik, akhbar atas talian, laman rasmi kerajaan dan lain-lain	26

Sumber: Olahan penulis.

Pendekatan model PRISMA (*Preferred Reporting Items for Systematic Review and Meta-analysis*) digunakan dalam mengenal pasti, memilih, menilai dan mensintesis artikel yang ingin disertakan dalam proses tinjauan untuk menjawab persoalan kajian yang telah ditetapkan.¹³ Pendekatan model PRISMA empat peringkat iaitu pengenalpastian, saringan, kelayakan dan penyertaan dapat menjelaskan pencarian artikel yang memenuhi kriteria untuk kajian ini. Rajah 2 menunjukkan carta alir model dan empat peringkat PRISMA yang digunakan dalam penyelidikan ini.




Rajah 2: Carta Alir Model PRISMA.

Sumber: Adaptasi dari kajian Moher et al.¹⁴

Kerangka Model Konseptual

Rajah 3 di bawah menunjukkan cadangan kerangka model konseptual yang menggambarkan keseluruhan analisis penyelidikan ini. Kerangka model konseptual ini memperlihatkan hubungkait fenomena penyalahgunaan visa pelajar oleh para pelajar antarabangsa yang memberi kesan kepada

dimensi keselamatan insan di negara ini. Melalui tinjauan serta penelitian awal, didapati bahawa fenomena penyalahgunaan visa pelajar ini mengancam keselamatan insan di negara penerima terutamanya dalam dimensi ekonomi, sosial, kesihatan, personal dan komuniti.



Rajah 3: Model Kerangka Konseptual.

Sumber: Olahan penulis.

Sorotan Literatur

Konsep Keselamatan Insan

United Nations Development Program (UNDP) dalam *Human Development Report 1994* mendefinisikan keselamatan insan sebagai selamat daripada ancaman kronik seperti kelaparan, wabak penyakit dan penindasan serta perlindungan dari sebarang ancaman dan gangguan secara tiba-tiba terhadap kehidupan harian manusia sama ada di rumah, dalam pekerjaan mahupun komuniti.¹⁵ Laporan tersebut turut menggariskan keselamatan insan ini merangkumi tujuh dimensi yang merangkumi keselamatan ekonomi, keselamatan kesihatan, keselamatan makanan, keselamatan alam sekitar, keselamatan personal, keselamatan komuniti dan keselamatan politik. Definisi mudah bagi memahami konsep keselamatan insan ini adalah kebebasan daripada kehendak (*freedom from want*), kebebasan daripada ketakutan (*freedom from fear*) serta kebebasan kepada generasi akan datang untuk mewarisi keamanan persekitaran yang dilakukan oleh generasi masa kini. Laporan UNDP ini turut mengklasifikasikan konsep keselamatan insan ini sebagai elemen keselamatan bukan tradisional namun sama pentingnya dengan keselamatan tradisional. Ini disebabkan oleh isu berkaitan keselamatan bukan tradisional juga mampu memberi bentuk ancaman yang boleh menggugat keselamatan sesebuah negara malah turut mampu menggugat keselamatan dan kestabilan antarabangsa. Justeru, konsep keselamatan insan ini adalah relevan dan penting bagi setiap negara sama ada ia negara maju mahupun negara membangun. Ini terbukti apabila Austria, Belanda, Chile, Greece, Ireland, Jordan, Kanada, Mali, Norway, Slovenia, Switzerland, Thailand dan Afrika Selatan yang menubuhkan Pertubuhan Jaringan Keselamatan Insan di mana negara-

negara ini menerapkan konsep keselamatan insan dalam penggubalan dasar-dasar kerajaan.¹⁶

Commission on Human Security pula mendefinisikan keselamatan insan sebagai perlindungan secara mutlak terhadap manusia termasuklah dari aspek kebebasan dan kehendak manusia sendiri. Suruhanjaya ini turut menambah, asas utama dan teras kepada keselamatan insan ini harus berpaksikan kepada individu atau komuniti, di mana tumpuan keselamatan dialihkan daripada ancaman pencerobohan luaran kepada melindungi individu daripada sebarang ancaman.¹⁷ Meskipun ancaman ketenteraan serta kancan peperangan dianggap sebagai salah satu ancaman utama terhadap keselamatan insan dalam pengertian tradisional, keselamatan insan ini juga turut merangkumi perlindungan individu atau komuniti daripada ancaman-ancaman lain seperti pencemaran alam sekitar, keganasan rentas negara, migrasi besar-besaran dan penularan wabak atau penyakit berjangkit. Dalam erti kata lain, Suruhanjaya ini membuat kesimpulan bahawa keselamatan insan dan keselamatan negara berkait rapat antara satu sama lain. Tanpa keselamatan insan, keselamatan negara tidak dapat dicapai, dan begitu juga sebaliknya. Keselamatan insan memerlukan institusi negara yang kukuh dan stabil. Berbanding keselamatan negara yang bersifat tumpuan, keselamatan insan pula bersifat umum, luas dan menyeluruh. Ancaman keselamatan insan tidak hanya berlaku dari dalam sesebuah negara, malah turut merangkumi ancaman globalisasi seperti kemakmuran ekonomi yang tidak seimbang, migrasi yang berleluasa, pencemaran alam, ancaman bahaya dadah dan ancaman kegiatan pengganas. UNESCO seterusnya turut melihat kepentingan elemen budaya dalam keselamatan insan untuk keamanan yang berkekalan.

Buzan dalam bukunya *People, States and Fear* menjelaskan keselamatan tidak hanya terbatas kepada ancaman ketenteraan terhadap negara, tetapi perlu diperluaskan kepada pelbagai sektor lain yang turut mempengaruhi keselamatan manusia dan negara.¹⁸ Berbanding tafsiran keselamatan insan oleh UNDP, Buzan menggariskan keselamatan insan ini kepada lima dimensi iaitu keselamatan politik, keselamatan ketenteraan, keselamatan ekonomi, keselamatan sosial dan keselamatan alam sekitar. Beliau turut berhujah bahawa konsep keselamatan selama ini agak sempit dan tidak meluas dengan tidak mengambil kira elemen-elemen keselamatan bukan tradisional. Oleh itu, beliau merangka satu kerangka keselamatan yang lebih luas dengan menggabungkan dimensi-dimensi yang sebelum ini tidak dianggap sebagai sebahagian daripada wacana keselamatan, seperti keselamatan serantau, atau sektor keselamatan sosial dan alam sekitar. Buzan juga turut memperkenalkan tiga tahap analisis keselamatan iaitu individu, negara dan sistem antarabangsa untuk memudahkan pemahaman konsep keselamatan ini. Beliau juga turut mengetengahkan konsep *securitization* yang merujuk kepada bagaimana sesuatu isu boleh dianggap sebagai ancaman keselamatan apabila ia mula diisytiharkan atau diwartakan oleh kerajaan. Ini bermakna sesuatu isu hanya boleh dianggap ancaman keselamatan apabila ia diumumkan oleh kerajaan. Pandangan Buzan ini turut disokong oleh sarjana lain seperti Wæver¹⁹ dan Stone²⁰ yang berhujah pendekatan keselamatan oleh Buzan lebih holistik kerana beliau menggariskan setiap elemen keselamatan secara terperinci bagi mencapai pemahaman konsep keselamatan yang lebih menyeluruh.


Melalui konteks hubungan antarabangsa, keselamatan insan berkait rapat dengan keselamatan negara. Ini disebabkan oleh keselamatan insan yang dijamin oleh kerajaan secara langsung akan menjamin kepada kestabilan keselamatan negara tersebut. Keselamatan negara turut menjadi keutamaan dengan andaian keselamatan individu dan rakyat akan terjamin jika keselamatan sesebuah negara tersebut terpelihara.²¹ Menurut Zarina dan Sity Daud, isu keselamatan sesebuah negara akan dipengaruhi oleh elemen insan atau manusia yang merujuk kepada rakyat atau penduduk dalam negara tersebut. Justeru, tafsiran keselamatan insan dilihat mengutamakan kesejahteraan insan iaitu dengan mendahulukan kesejahteraan rakyat berbanding keselamatan negara. Pandangan ini turut disokong oleh sarjana lain seperti Liotta & Owen dalam penulisan

mereka yang turut berpendapat bahawa konsep keselamatan insan lebih memfokuskan kepada kesejahteraan insan berbanding melindungi sempadan negara. Mereka turut berpandangan konsep keselamatan insan berbeza dengan keselamatan tradisional kerana mementingkan perlindungan kepada manusia yang merujuk kepada rakyat atau masyarakat berbanding aktor negara.²²

Pendekatan Keselamatan Insan di Asia Tenggara dan Malaysia

Terdapat perdebatan antara sarjana berkaitan pemahaman konsep keselamatan insan iaitu pandangan aliran luas dan aliran sempit. Aliran luas merujuk kepada penekanan isu pembangunan dan keperluan asas manusia (*freedom from want & from insecurities of underdevelopment*) contohnya krisis kemiskinan serta kekurangan akses kemudahan luar bandar seperti yang berlaku di Laos, Filipina dan Indonesia. Manakala aliran sempit pula merujuk kepada isu kekacauan atau ketidakstabilan politik dalam sesebuah negara dan konflik bersenjata (*freedom from fear from political violence*) sebagai contoh konflik yang berlaku di Selatan Filipina dan pergolakan politik yang berlaku di Myanmar. Konsep keselamatan insan menurut UNDP ini terlalu luas berikutan perbezaan demografi dan geopolitik sesebuah negara dan ia perlu disesuaikan dengan keadaan negara tersebut, contohnya pemahaman konsep keselamatan insan di negara barat cenderung kepada menyokong demokrasi serta kebebasan individu, ini berbeza dengan budaya serta konsep kerjasama keselamatan di rantau asia. Manakala konsep keselamatan insan di rantau Asia Tenggara lebih tertumpu kepada isu-isu seperti pemerdagangan manusia, pelarian dan keselamatan alam sekitar.²³ Meskipun begitu, para sarjana turut berpandangan isu serta dilema keselamatan insan yang dihadapi setiap negara adalah berbeza mengikut demografi negara tersebut, sebagai contoh isu kemiskinan dan keselamatan makanan yang dihadapi oleh penduduk miskin di Sumatera, Indonesia berbanding isu pemerdagangan kanak-kanak serta ancaman penyakit AIDS yang mengancam keselamatan kesihatan di Thailand.²⁴ Manakala Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) menyifatkan keselamatan insan adalah bertujuan untuk melindungi teras penting dalam semua peringkat kehidupan manusia dengan cara meningkatkan kebebasan dan kepuasan manusia.²⁵ Ini termasuk dilema yang dihadapi oleh kerajaan Malaysia dalam menguruskan dan mendepani isu pelarian Rohingya iaitu dengan perlu menyeimbangkan antara isu hak asasi manusia dan keselamatan negara.

Justeru, dalam mencari hubungkait dan persamaan pemahaman konsep keselamatan insan di rantau asia, para sarjana tempatan telah membangunkan konsep keselamatan insan yang dikenali sebagai BAGHUS (*The Bangi Approach to Human Security and Peace*) sebagai aliran pemahaman baru konsep keselamatan insan yang lebih sesuai dipraktikkan dalam situasi yang berlaku dalam rantau Asia Tenggara. Konsep BAGHUS ini turut menekankan tujuh dimensi keselamatan insan yang diperkenalkan UNDP berserta tambahan dua dimensi baru iaitu keselamatan sosial dan budaya yang lebih sesuai dengan situasi demografi dan geopolitik di Asia Tenggara.²⁶ Meskipun model keselamatan insan oleh PBB lebih universal, konsep BAGHUS adalah lebih sesuai dipraktikkan di rantau Asia Tenggara dengan mengambilkira keunikan serta perbezaan yang wujud di rantau ini. Konsep BAGHUS ini turut mengaitkan keselamatan individu dengan keselamatan masyarakat yang turut dipengaruhi dengan elemen agama serta budaya dalam kehidupan seharian. Pendekatan konsep keselamatan insan BAGHUS ini sekaligus menjadikan konsep keselamatan insan masa kini yang lebih dinamik serta menyeluruh dengan mengambilkira sembilan dimensi keselamatan yang merangkumi keselamatan sosial, keselamatan makanan, keselamatan ekonomi, keselamatan kesihatan, keselamatan alam sekitar, keselamatan politik, keselamatan budaya, keselamatan personal dan keselamatan komuniti. Rajah 4 menerangkan konsep keselamatan BAGHUS yang melibatkan sembilan dimensi keselamatan insan.



Rajah 4: Konsep Keselamatan Insan BAGHUS.²⁷
 Sumber: Adaptasi dari kajian Rashila Ramli et al.²⁸

Sehingga kini masih terdapat perdebatan berkaitan pendekatan konsep keselamatan insan di kalangan para sarjana, ini berikutan isu keselamatan insan yang sentiasa berubah berdasarkan peredaran zaman dan situasi semasa global. Perubahan situasi global masa kini seperti ancaman peperangan, pergolakan politik, kebuluran, penindasan serta penghapusan etnik mahupun kemiskinan sentiasa berlaku tanpa mengira lokasi dan keadaan yang secara tidak langsung menjadi ancaman besar keselamatan insan sesebuah negara. Menurut Wæver melalui pendekatan *Securitization Theory* menjelaskan bahawa isu keselamatan kini bukan sahaja sekadar keadaan objektif, tetapi apabila sesuatu isu keselamatan ditakrifkan sebagai ancaman oleh aktor politik iaitu pihak Kerajaan.²⁹ Ini menunjukkan bahawa isu keselamatan bersifat konstruktif dan boleh berubah-ubah, bergantung kepada tindakan Kerajaan yang mentakrifkan isu keselamatan sebagai ancaman yang membahayakan sesebuah negara tersebut. Manakala menurut Mary Kaldor dalam bukunya bertajuk *New and Old Wars: Organized Violence In a Global Era* menegaskan bahawa konsep *New Wars* yang menggambarkan bentuk konflik moden masa kini yang tidak lagi melibatkan aktor negara berdaulat semata-mata, tetapi aktor bukan negara seperti ancaman kumpulan pengganas, militan dan rangkaian jenayah antarabangsa.³⁰ Hujah beliau ini menandakan bahawa konsep keselamatan akan terus berevolusi mengikut perubahan struktur global serta keadaan dunia. Ini turut disokong oleh Tadjbakhsh & Chenoy menjelaskan bahawa keselamatan insan mencerminkan paradigma keselamatan yang berubah daripada negara kepada manusia atau *state-to-human shift* yang sememangnya akan berevolusi seiring dengan peredaran masa dan kemajuan manusia.³¹ Majoriti sarjana berpandangan bahawa konsep keselamatan kontemporari adalah bersifat dinamik, relatif dan sentiasa berubah mengikut perkembangan politik, sosial, ekonomi dan teknologi global. Jadual 4 menunjukkan perbandingan pendekatan keselamatan insan.

Jadual 4: Perbezaan Pemahaman Konsep Keselamatan Insan

Pendekatan	Ciri Utama	Kekuatan	Kritikan	Kesesuaian Konteks
UNDP	Menekankan 7 dimensi keselamatan (ekonomi, makanan, kesihatan, alam sekitar, peribadi, komuniti, politik).	Menyediakan kerangka menyeluruh dan menjadi rujukan asas konsep keselamatan insan.	Terlalu luas dan abstrak; sukar diukur serta dilaksanakan secara praktikal.	Sesuai untuk rangka kerja global, tetapi perlu disesuaikan mengikut konteks tempatan.
Commission on Human Security	Menekankan perlindungan (protection) dan pemberkasaan (empowerment).	Lebih praktikal; menggabungkan cadangan dasar dengan kerangka teori.	Masih berpusat pada peranan negara dan institusi formal; kurang menekankan identiti lokal.	Sesuai untuk negara pasca konflik atau dalam pembinaan semula (<i>post-conflict peacebuilding</i>).
BAGHUS	Menekankan interkonektiviti keselamatan peribadi komuniti, bencana buatan manusia, kesinambungan sosial, serta identiti majmuk.	Kontekstual; sesuai untuk masyarakat berbilang etnik dan agama; lebih responsif terhadap isu kontemporari.	Masih terhad dari segi pengaplikasian di luar Asia Tenggara dan belum diuji secara meluas	Sangat sesuai untuk negara majmuk dan membangun seperti Malaysia, Indonesia, Filipina dan India.

Sumber: UNDP,³² Commission on Human Security;³³ Rashila Ramli et al.³⁴

Merujuk kepada pendekatan kajian ini, isu penyalahgunaan visa pelajar sangat terkait rapat dengan keselamatan insan. Ini berikutan isu penyalahgunaan visa pelajar ini secara tidak langsung sering dikaitkan dengan isu migrasi, kegiatan jenayah pemerdagangan manusia dan isu pendatang asing tanpa izin yang mengancam keselamatan insan. Pada masa yang sama isu berkaitan Perkara ini mudah dijelaskan apabila penyalahgunaan visa pelajar dijadikan alat untuk kegiatan pemerdagangan manusia dan sekiranya tidak diberi perhatian oleh kerajaan akan mendatangkan ancaman terhadap keselamatan insan terutamanya dari sudut ancaman sosial dan komuniti rakyat. Menurut Koser dalam artikel *The Smuggling of Migrants: A Challenge to Human Security* menyatakan penyalahgunaan sistem visa pelajar mahupun pelawat akan mengakibatkan saluran migrasi menjadi tidak teratur dan seterusnya mengancam keselamatan insan.³⁵ Beliau turut menambah kebanyakan migran terperangkap dengan sindiket yang mengeksploitasi sistem visa untuk tujuan buruh paksa, pelacuran dan pemerdagangan manusia. Menurut laporan Commission on Human Security, penyalahgunaan visa sering dikaitkan dengan jenayah pemerdagangan manusia, di mana individu dipaksa menyalahgunakan status pelajar atau pelawat untuk pelbagai tujuan. Kenyataan ini turut disokong oleh International Organization for Migration (IOM) yang menyifatkan penyalahgunaan visa untuk kerja atau belajar membuka ruang kepada jenayah pemerdagangan manusia dan pengeksploitasi sebagai buruh paksa terutamanya dalam sektor pembinaan, perkilangan dan pertanian.³⁶ Disamping itu, wujud isu kelemahan penguatkuasaan

dan peraturan dalam proses permohonan visa pelajar dan kerja yang secara tidak langsung membuka ruang kepada sindiket jenayah pemerdagangan manusia di Malaysia.³⁷ Perkaitan penyalahgunaan visa, migrasi dan pemerdagangan manusia dengan keselamatan insan banyak diulas oleh ramai sarjana lain seperti Kyle & Koslowski³⁸ dan Gallagher³⁹ yang menyatakan wujudnya asas kukuh terhadap aspek implikasi kegiatan jenayah ini terhadap keselamatan insan masyarakat secara umumnya. Namun, kajian empirikal berkaitan penyalahgunaan visa pelajar terutamanya di Malaysia masih ditahap minima terutamanya dalam perkaitannya dengan jenayah pemerdagangan manusia serta implikasi isu ini terhadap keselamatan insan di Malaysia secara umumnya.

Isu Penyalahgunaan Visa di Peringkat Global dan di Malaysia

Isu penyalahgunaan visa adalah merupakan isu global yang dihadapi pelbagai negara dan ia menjurus kepada aktiviti pemerdagangan manusia. Fenomena ini sering berlaku di mana-mana negara dan merupakan isu yang membebankan dan merisaukan.⁴⁰ Masalah dan isu penyalahgunaan visa ini timbul apabila visa yang dikeluarkan kepada warganegara asing ini digunakan bagi tujuan berbeza daripada tujuan asal visa tersebut. Contohnya, seorang warganegara asing menggunakan visa pelancong bagi tujuan melancong namun tinggal lebih masa dan mula bekerja secara haram di negara tersebut. Meskipun visa bagi tujuan bekerja ada dikeluarkan oleh pihak berkuasa, namun kebanyakan warganegara asing lebih cenderung menggunakan visa pelancong kerana ia lebih mudah diperolehi. Modus operandi ini turut diulas oleh Koser dalam artikel *Irregular Migration, State Security and Human Security* yang menyatakan penyalahgunaan sistem visa sebagai menjadi saluran masuk ke sesebuah negara lebih kepada bertujuan mendapatkan pekerjaan sama ada secara sukarela ataupun dipaksa bekerja.⁴¹

Menurut penulisan oleh Shahrul Mizan & Wan Siti Adibah, wujudnya fenomena pemerdagangan manusia yang berlaku di Malaysia akibat daripada penyalahgunaan visa pelancong atau pas lawatan sosial.⁴² Perkara ini turut disokong melalui kenyataan dikeluarkan oleh Tenaganita, sebuah Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang melaporkan banyak kes penyalahgunaan visa pelancong mahupun pelajar dan jenayah pemerdagangan manusia di Malaysia. Berdasarkan laporan dikeluarkan Tenaganita, insiden ini berlaku apabila pelajar antarabangsa masuk ke negara ini bagi tujuan lain seperti bekerja atau terlibat dalam pelbagai kegiatan jenayah lainnya. Mangsa-mangsa sindiket ini turut dieksploitasi dan dipaksa bekerja tanpa sebarang upah hingga ada yang terjerumus ke kancah pelacuran.⁴³ Ini turut diulas oleh Nafisah Ilham dalam artikel *Peranan Tenaganita dan Kerajaan Malaysia dalam Menangani Isu Pemerdagangan Orang* yang menyatakan terdapat insiden penyalahgunaan visa pelajar dan visa kerja yang membawa kepada pemerdagangan manusia terutama kaum wanita bagi tujuan eksploitasi seksual. Beliau turut berhujah pemerdagangan manusia di Malaysia ini boleh diatasi melalui kerjasama antara badan penguatkuasaan dan badan bukan kerajaan dengan mengambil contoh kerjasama antara pihak Polis Di Raja Malaysia (PDRM), JIM, EGMS dan Tenaganita dalam menjalankan advokasi, pencegahan dan pemulihan bagi tujuan membela hak asasi mangsa pemerdagangan manusia khususnya golongan wanita yang diperdayakan untuk dijadikan pelacur dan pekerja am secara paksa.⁴⁴

Selain itu, terdapat juga pelancong dan pelajar asing yang menyalahgunakan kemudahan visa bagi tujuan bekerja secara haram di negara tersebut. Kebanyakan mereka menyamar sebagai pelancong dan pelajar asing datang ke negara destinasi pilihan mereka untuk bekerja dan juga berniaga tanpa permit yang sah. Sebagai contoh, terdapat insiden yang melibatkan warganegara asing dari benua Afrika yang memasuki negara-negara di Eropah untuk bekerja memandangkan peluang pekerjaan adalah terhad dan gaji yang diperolehi di negara asal mereka sangat kecil dan sedikit.⁴⁵ Pandangan ini turut disokong oleh Shafidah Saad yang menegaskan bahawa sebahagian pelancong

mahupun pelajar asing warganegara Afrika yang memasuki negara ini menyalahgunakan visa pelajar dan pas lawatan sosial tersebut, malah terlibat dengan pelbagai kegiatan jenayah seperti penipuan siber, gangguan ketenteraman awam, penyeludupan dadah dan sebagainya.⁴⁶ Sistem visa kerja yang ketat mengakibatkan sesetengah individu menggunakan visa pelancong sebagai 'jalan belakang' untuk bekerja secara haram di negara tersebut. Pandangan berkaitan salahguna visa bagi tujuan bekerja secara haram turut diulas oleh para sarjana lain seperti Fuad Berawi et al.⁴⁷ dan Wickramasekara⁴⁸ yang menyifatkan faktor mendapatkan pekerjaan dan pendapatan yang lebih tinggi menjadi punca berlakunya penyalahgunaan visa pelancong. Ini termasuklah insiden dimana berlakunya isu penyalahgunaan dokumen kemasukan dan pemalsuan visa serta permit oleh sindiket ejen pekerjaan. Menurut laporan diterbitkan International Labour Organization (ILO) dan IOM, penyalahgunaan visa pelancong atau sosial untuk tujuan kerja biasa berlaku di sektor 3D (*Dirty, Dangerous, Difficult*), negara seperti Malaysia dan Singapura sentiasa menjadi tumpuan memandangkan permintaan yang tinggi terhadap buruh murah dan penguatkuasaan yang lemah selepas kemasukan mereka.⁴⁹

Selain visa pelajar, penyalahgunaan *visa on arrival* (VOA) juga turut menarik perhatian untuk dikaji dan dibahaskan. Menurut Naeim, VOA merupakan salah satu kaedah kemasukan yang mudah dan pantas, tetapi terdedah kepada risiko salahguna terutama oleh pelancong asing yang berniat tinggal melebihi tempoh atau bekerja secara tidak sah. Beliau turut menambah sejak diperkenalkan di Malaysia, hingga tahun 2009, jumlah warganegara asing yang tinggal lebih tempoh dengan menggunakan VOA adalah seramai 75,642 orang daripada 271,391 orang pemegang VOA tersebut, kebanyakan mereka datang dari India, Pakistan, China, Bangladesh dan Sri Lanka.⁵⁰ Meskipun VOA dilihat sebagai landasan peningkatan pendatang asing tanpa izin (PATI) ke negara ini, namun peranannya sebagai mekanisme menggalakkan sektor pelancongan di negara ini tidak dapat dinafikan. Namun, pengurusan sistem VOA yang tidak efisien akan memberi implikasi negatif kepada negara sama ada dalam aspek ekonomi, politik, sosial dan keselamatan. Ini kerana sesetengah PATI telah mula menggunakan VOA ini sebagai salah satu tren migrasi baru yang secara tidak langsung akan meningkatkan jumlah warganegara asing di negara ini. Kebanjiran PATI adalah antara musuh utama negara masa kini dan peningkatan jumlah mereka membimbangkan.⁵¹ Pandangan ini turut dipersetujui sarjana lain seperti Jha yang melihat pelaksanaan VOA memberi kesan positif kepada sektor pelancongan dan ekonomi.⁵² Namun, ia harus diimbangi dengan risiko keselamatan dan kapasiti kawalan sempadan memandangkan pelaksanaan VOA ini mengakibatkan negara hilang kawalan terhadap pelancong tidak sah.

Pada masa yang sama, ramai sarjana juga turut membahaskan implikasi pemberian VOA ini terhadap ancaman keselamatan kepada negara destinasi. Ini berikutan pemberian VOA secara berleluasa tanpa mekanisme kawalan akan mendedahkan negara kepada kegiatan jenayah rentas sempadan. Laporan diterbitkan oleh United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC) turut menekankan kelemahan semasa kawalan masuk melalui VOA menjadi permulaan kepada sindiket perdagangan manusia dan penyeludupan dadah.⁵³ Menurut Marguerita, polisi dan dasar negara yang melaksanakan VOA seharusnya mengkaji semula dasar tersebut memandangkan terdapat pelancong yang menyalahgunakan VOA bagi tujuan jenayah terancang seperti menjual dan mengedar dadah. Beliau mengambil contoh kajian kes di Indonesia dimana pelancong asing didapati menyebarkan ideologi radikal di kepulauan Indonesia sehingga mengancam keselamatan insan di sana.⁵⁴ Ini termasuklah kewujudan risiko kebanjiran pelancong yang datang dari negara bergolak atau zon konflik peperangan yang hadir bukan tujuan melancong tetapi berlindung dan menetap tanpa izin. Kegagalan pihak berkuasa untuk mengawal dan memantau golongan pelancong ini mendedahkan negara kepada risiko gejala sosial dan keselamatan.⁵⁵ Pandangan ini selaras dengan pendapat Buzan yang menyifatkan pelaksanaan polisi kerajaan seharusnya bertujuan memberi perlindungan keselamatan kepada rakyat, namun adakalanya polisi tersebut juga merupakan ancaman kepada keselamatan

negara dan rakyatnya. Ini merujuk kepada peningkatan jumlah kemasukan warganegara asing yang menggunakan VOA seiring dengan peningkatan pelanggaran undang-undang, kesalahan berkaitan migrasi dan jenayah terancang rentas sempadan yang juga boleh membahayakan masyarakat.⁵⁶ Isu penyalahgunaan VOA dan implikasinya terhadap keselamatan negara penerima turut diulas oleh beberapa sarjana lain antaranya Nurdin & Khairina yang membuktikan beberapa insiden pelancong asing yang menyalahgunakan visa pelancong yang terlibat dengan pelbagai kegiatan jenayah seperti pengedaran dadah, penyeludupan manusia dan gangguan domestik di Indonesia.⁵⁷

Secara umumnya, dapat dilihat bahawa majoriti kajian serta penyelidikan oleh sarjana terdahulu lebih tertumpu kepada gejala serta isu PATI, isu pemerdagangan manusia, isu kemasukan migrasi secara haram, isu salahguna visa pelancong dan salahguna VOA. Namun, gejala penyalahgunaan visa pelajar antarabangsa bagi tujuan migrasi dilihat masih belum banyak dikaji secara terperinci memandangkan kemungkinan visa pelajar antarabangsa ini lebih diperolehi. Pada masa yang sama, turut didapati penyelidikan berkaitan kegiatan jenayah yang melibatkan pelajar antarabangsa di negara ini masih kurang namun wajar dilaksanakan memandangkan terdapat insiden penglibatan pelajar antarabangsa ini dalam kegiatan jenayah seperti penyeludupan dadah dan kegiatan pelacuran khususnya melibatkan pelajar warganegara Afrika.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Berdasarkan sorotan literatur yang dilaksanakan dalam konteks kajian penyalahgunaan visa pelajar di Malaysia, dapat dilihat fenomena ini dihadapi hampir seluruh dunia. Meskipun hanya segelintir pelajar antarabangsa yang menyalahgunakan kemudahan visa pelajar ini, namun terdapat insiden di mana mereka tinggal lebih tempoh atau secara haram selepas visa mereka tamat di negara ini. Fenomena penyalahgunaan visa pelajar ini semakin membimbangkan dan melibatkan pelbagai bentuk penyelewengan dan memberi ancaman kepada keselamatan negara penerima, antara dapatan utama adalah seperti berikut:

Penyalahgunaan Tujuan Visa Pelajar dan Kaitan Jenayah Terancang

Secara umumnya, visa pelajar sering disalahgunakan bukan untuk tujuan pendidikan, sebaliknya untuk bekerja secara haram, berniaga tanpa permit atau melibatkan diri dalam sindiket jenayah rentas sempadan. Disebabkan itu, timbul persoalan mengenai tujuan sebenar segelintir pelajar antarabangsa memasuki ke negara ini apabila berlakunya beberapa insiden penglibatan pelajar antarabangsa dalam pelbagai kegiatan jenayah. Lebih membimbangkan apabila pelajar antarabangsa yang memasuki negara ini secara sah, namun tidak pernah mendaftarkan diri di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dan kolej.⁵⁸ Perkara ini selari dengan kenyataan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik PDRM dalam akhbar Utusan Borneo bertarikh 30 Mac 2016 yang menyatakan bahawa kebanyakan warganegara Afrika terutamanya dari Nigeria dan Uganda memasuki negara ini dengan menggunakan visa pelajar, namun ada segelintir mereka hanya menggunakan visa pelajar tersebut sebagai alat untuk masuk ke negara ini secara sah sebelum terlibat dengan pelbagai kegiatan jenayah.⁵⁹ Ini turut disokong oleh kenyataan Menteri Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dalam akhbar The Star pada 18 Mac 2014 yang menyatakan kebimbangan kerajaan berhubung peningkatan kadar jenayah yang melibatkan pelajar warganegara Nigeria di Malaysia. Menurut beliau, statistik menunjukkan lebih 400 kes melibatkan pelajar warganegara Nigeria di negara ini antaranya tinggal tanpa permit yang sah, kes jenayah komersial dan kes berkaitan narkotik.⁶⁰ Menurut Ketua Pengarah Imigresen, terdapat insiden pelajar antarabangsa menyalahgunakan visa pelajar dan terlibat dalam sindiket pelacuran.⁶¹ Perkara ini turut diulas oleh Ketua Polis Negara, bahawa PDRM akan sentiasa

memantau kegiatan pelajar antarabangsa yang masuk ke negara ini bagi mengelak mereka terjebak dengan sebarang aktiviti yang boleh menggugat keselamatan negara.⁶²

Menurut kajian IOM bertajuk *Exploitative Employment is the Key Reason Migrant Workers Become Undocumented in Malaysia* mendapati insiden warganegara asing memasuki Malaysia melalui saluran visa rasmi seperti visa pelajar, tetapi kemudiannya bekerja secara haram. Kajian ini turut memetik warganegara asing ini diperdaya oleh ejen sebelum menjadi mangsa eksploitasi buruh dan bekerja dalam pelbagai sektor. Manakala UNODC turut melaporkan bahawa visa pelancong dan pelajar sering disalahgunakan oleh sindiket sebagai laluan sah untuk menyeludup manusia ke negara ini. Ini berikutan, kemampuan kumpulan sindiket tersebut dalam memalsukan dokumen perjalanan rasmi hingga sukar dikesan oleh pihak berkuasa di pintu masuk negara ini. UNODC turut menjelaskan bahawa pemerdagangan manusia kini banyak berlaku melalui laluan sah di mana visa pelajar antara yang paling mudah dieksploitasi kerana terdapat kelemahan dari segi pemantauan selepas mereka tiba dan masuk ke negara ini.⁶³

